



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	17/11/2019	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bangkai seekor lagi gajah pygmy di Kinabatangan

KINABATANGAN - Bangkai seekor lagi gajah pygmy ditemukan di Kinabatangan semalam menjadikan ia bangkai gajah kedua ditemukan di daerah berkenaan bulan ini.

Ketika mengesahkan penemuan bangkai gajah itu di Sukau di sini, Pengarah Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah,

Augustine Tuuga bagaimanapun berkata, beliau masih belum menerima maklumat terperinci.

"Kita tunggu dahulu laporan daripada pasukan pegawai JHL yang ke lokasi bangkai gajah ditemukan untuk buat siasatan," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Bangkai gajah itu yang kedua selepas bangkai seekor gajah jantan ditemukan terapung di Sungai Kinabatangan pada 3 November lalu.

Sebelum ini bangkai dua ekor gajah ditemukan di Sungai Dumpas di Kalabakan, Tawau pada 25 September lalu dan di Beluran pada 19 Oktober.